



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-9/1 Jld 12 (2)

Tarikh : 03 Oktober 2025

**Ketua- Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang**

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**LAPORAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 30
SEPTEMBER 2025 BAGI SUKUAN KETIGA (3) TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022, Lampiran B3 Perenggan 3.3, Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab melaporkan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan kepada JANM Negeri secara sukuan.

3. Sehubungan itu, kerjasama dan tindakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk;

- a) tidak mengubah format Laporan/Lampiran yang dihantar kepada Pejabat Perakaunan;
- b) memastikan Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan aset dilaksanakan dengan tepat beserta dokumen sokongan pembuktian pemilikan aset yang lengkap;
- c) semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenal pasti pada verifikasi sukuan kedua tahun 2025 hendaklah diselesaikan dengan segera dan tidak berulang pada verifikasi sukuan ketiga tahun 2025; dan
- d) mematuhi tarikh yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Laporan hendaklah disahkan oleh **Ketua Jabatan** dan dikemukakan kepada Unit Pengurusan Aset melalui e-mel: **u_aset_phg@anm.gov.my** **selewat-lewatnya pada hari Khamis, 29 Oktober 2025 TANPA GAGAL.**

4. Bersama-sama ini disertakan Lampiran A iaitu Jadual Aktiviti Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Ketiga (3) Tahun 2025, Template Verifikasi Aset (TVA) dan Tatacara Penyelenggaraan Laporan Aset Bukan Kewangan yang terkini di pautan atau mengimbas Kod Respons Pantas (QR) berikut: https://drive.google.com/drive/folders/177kuEOKKmweQYn0yWWIL0cGleZuP_Fo?usp=sharing



5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pegawai di Unit Pengurusan Aset (UPA) JANM Pahang seperti berikut:

Bil.	Nama	No. Tel / Samb.	Emel
1.	Sofiana binti Osman	09-5915 055 /155	sofiana@anm.gov.my
2.	Wan Filzah binti Wan Omar	09-5915 054 /154	filzah.omar@anm.gov.my
3.	Anita Khairani binti Mohd Tajudin	09-5915 067 /167	anita.tajudin@anm.gov.my
4.	Nor Azizah binti Muhamed	09-5915 059 /159	azizah.muhammed@anm.gov.my
5.	Suriani binti Wahat	09-5915 069 /169	suriani.wahat@anm.gov.my
6.	Zaman bin Ramli	09-5915 064 /164	zaman@anm.gov.my
7.	Noor Nadirah binti Ab Azizsah	09-5915 068 /168	noor.nadirah@anm.gov.my
8.	Nor Rosila binti Rosli	09-5915 065 /165	rosila.rosli@anm.gov.my
9.	Nor Azliza binti Nor Rawi	09-5915 070 /170	norazliza.norrawi@anm.gov.my
10.	Faaiza Nor binti Abdul Rafar	09-5915 060 /160	faaiza.rafar@anm.gov.my

6. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN (C.A.(M), ACMA, CGMA))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang